

KESILAPAN SEBUTAN FONEM BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR

Saiful Johari Musahar^{1*}, Nur Afiqah Amanina Kamaruzzaman², Roselina Musahar³ dan
Fauzi Azmi⁴

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang,
Malaysia*

abuwajdee@uitm.edu.my
nurafiqahamanina@gmail.com
roselina@uitm.edu.my
fawwaz@uitm.edu.my

*Corresponding author

Abstrak: Fonem merupakan kesatuan bunyi yang terkecil dan sistem bunyi-bunyi bahasa yang dapat berfungsi sebagai pembeza makna. Dalam pertuturan bahasa Arab, pelajar mengalami kesukaran untuk membezakan bunyi pada perkataan yang hampir sama disebabkan kurangnya pengetahuan dari sudut fonologi bahasa yang dipelajari. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah kesilapan pelajar dalam menghadapi sebutan fonem bahasa Arab di sekolah. Fokus utama yang ingin ditekankan dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor kesilapan sebutan fonem pelajar serta mencadangkan kaedah ataupun teknik pengajaran bagi mengurangkan kesilapan sebutan dalam fonem bahasa Arab oleh pelajar terutamanya semasa pertuturan dalam bahasa Arab. Metodologi kajian adalah menggunakan kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan faktor utama kesilapan sebutan dalam fonem adalah pengaruh bahasa pertama kepada bahasa kedua, faktor dalaman diri pelajar dan faktor pengajar. Kaedah yang dicadangkan dalam kajian ini adalah kaedah audio-lingual dan kaedah transliterasi, manakala teknik pengajaran pula adalah lakonan dan teknik latih tubi mekanis. Kesilapan sebutan fonem seharusnya dipandang serius kerana ia merupakan asas kepada pertuturan yang baik dan lancar. Ini kerana kesilapan sebutan fonem sekiranya tidak diperbetul dari awal maka ia akan berlarutan sehingga dewasa. Oleh itu, pertuturan yang baik datang daripada sebutan yang tepat dan jelas.

Kata Kunci: bahasa Arab, sebutan fonem, faktor kesilapan sebutan, kaedah dan teknik pengajaran

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan sebuah bahasa Al-Quran. Ia merupakan bahasa yang masyhur kerana ia telah menjadi mukjizat tertinggi bagi Nabi Muhammad S.A.W. Bahasa Arab bukan sekadar bahasa biasa, ia adalah sebuah bahasa yang boleh dikategorikan sukar untuk dikuasai dengan baik sekiranya tidak diasah dan dipraktik setiap hari dalam kehidupan terutamanya dari segi sebutan. Sebutan dalam bahasa Arab akan menjadi pertuturan yang digunakan sebagai perantaraan bagi sesebuah komunikasi. Pertuturan akan bermasalah sekiranya individu menghadapi masalah sebutan. Ini kerana sebutan tersebut akan menunjukkan kefasihan seseorang dalam berbicara. Kesilapan dalam sebutan boleh mengundang kesilapan makna. Oleh itu, sebutan yang baik dapat menghasilkan pertuturan yang lancar. Ini bertepatan dengan kenyataan Yahya (2005) dalam kajiannya bahawa kelemahan dalam sebutan boleh mendatangkan masalah kepada penutur serta pendengar.

Di samping mendalami bahasa Arab, pada masa yang sama seseorang itu dapat mengenali apa itu bahasa. Bahasa merupakan sebuah alat untuk berkomunikasi antara individu kepada individu lain bagi menyampaikan sebarang maklumat. Bahasa juga berperanan untuk menyampaikan sebuah mesej melalui pertuturan secara lisan. Menurut Ahmad Kilani (2001), bahasa adalah alat komunikasi antara manusia. Ia adalah alat komunikasi terawal manusia yang menjadi anugerah Allah yang paling berharga dalam sesebuah kehidupan manusia yang dilantik menjadi khalifah di atas muka bumi ini.

Dalam mempelajari sebuah bahasa, empat kemahiran diberi keutamaan iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Namun begitu, kemahiran paling utama yang perlu diberi penekanan adalah kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Ini kerana

pertuturan yang baik perlu kepada kemahiran mendengar yang baik tentang apa yang dituturkan oleh si penutur. Kemahiran bertutur mementingkan aspek fonologi, baik dari segi fonetik mahupun fonemik. Untuk bertutur dengan baik dan berkesan, penutur perlulah mengenal aspek fonologi terlebih dahulu untuk memastikan penyebutan dalam sebuah bahasa jelas dan tepat.

Kridalaksana (1995) turut mentakrifkan fonologi sebagai bidang ilmu dalam linguistik yang menyelidiki bunyi-bunyi bahasa menurut fungsinya. Fonologi berasal daripada istilah bahasa Yunani iaitu 'phone' yang bermaksud 'bunyi', manakala 'logos' pula bermaksud 'ilmu'. Fonologi juga merupakan salah satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji tentang bunyi bahasa yang mampu membezakan makna sesuatu kata. Objek kajian fonologi yang pertama adalah bunyi bahasa iaitu 'fon' yang disebut sebagai tata bunyi dan dikenali dengan 'fonetik'. Manakala objek kajian fonologi yang kedua adalah 'fonem' yang disebut sebagai tata fonem dan dikenali dengan 'fonemik'.

Secara keseluruhannya, fonologi merupakan salah satu daripada cabang ilmu bahasa dalam linguistik yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa, proses terbentuknya bahasa dan perubahannya. Fonologi juga turut mengkaji bunyi secara umum dan fungsional dalam mempelajari ilmu fonologi. Menurut Rahmat (1998), ilmu fonologi adalah satu pengkajian bagaimana fon berbeza antara satu sama lain dan apakah ciri fonetik yang menyebabkan perbezaan makna kata. Secara umum fonologi terbahagi kepada dua bahagian antaranya adalah fonetik dan fonemik. Fonetik menurut Kamus Dewan (1996) mendefinisikan fonetik sebagai ilmu bahasa yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya.

Manakala fonemik merupakan kesatuan bunyi terkecil suatu bahasa yang berfungsi bagi membezakan makna. Fonem dari sudut fonetik dikenali sebagai pertentangan pembeza dimana jika terdapat perbezaan fonetik dan sekelompok bunyi yang sama dikenali sebagai keserupaan fonetik (Rahmat, 1998). Chaer (2007) mengatakan fonemik merupakan kajian bunyi bahasa yang dapat atau berfungsi bagi membezakan makna kata. Kajian Chaer (2007) menunjukkan bahawa fonetik berusaha mendeskripsikan perbezaan bunyi-bunyi serta menjelaskan sebabnya. Sebaliknya, perbezaan bunyi-bunyi bagi huruf (p) dan (b) seperti dalam contoh iaitu (paru) dan (baru) merupakan contoh sasaran kajian fonemik. Ini kerana disebabkan perbezaan bunyi (p) dan (b) itu telah menyebabkan perbezaan makna kata bagi (paru) dan (baru).

Fonemik dikenali sebagai bunyi bahasa yang hampir serupa namun ia mempunyai perbezaan makna bagi kata tersebut contohnya huruf yang hampir sama apabila dituturkan antaranya adalah huruf (ص) dan (س), (ذ) dan (ز), (ق) dan (ك). Kebanyakan para pelajar mudah terkeliru dengan sebutan fonem yang kebanyakannya terdiri daripada huruf konsonan berbanding huruf vokal. Pelajar tidak dapat membezakan bunyi huruf konsonan yang hampir sama kerana terpengaruh dengan bunyi dalam bahasa Melayu.

Selain itu, dalam kemahiran sebutan, yang perlu dielakkan adalah kesilapan sebutan kerana ia boleh mengundang kepada kesalahan makna apabila ujaran dituturkan ketika menyebut perkataan. Yahya (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa kelemahan dalam sebutan atau menyebut boleh mendatangkan masalah kepada penutur serta pendengar. Situasi ini akan mewujudkan suasana komunikasi yang tidak mesra dan bahaya jika tidak dirawat. Ia juga turut disokong oleh Rosni (2009) di mana pelajar yang tidak mampu membaca dan menyebut dengan baik sudah tentu tidak dapat menulis perkataan dengan baik.

Tambahan lagi, Nur Afifah (2012) menyatakan kesilapan sebutan dianggap satu kesalahan yang serius terutamanya ketika membaca Al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W. Turut disebut sikap pelajar yang melakukan kesilapan dalam pembelajaran bahasa Arab menjadi satu kebimbangan apabila pelajar turut melakukan kesilapan yang sama ketika membaca Al-Quran dan Al-Hadis. Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Yahya (2005) bahawa kesilapan sebutan yang berterusan menunjukkan pembaca tidak menguasai beberapa aspek berkaitan dengan bahasa. Begitu juga dengan kesilapan sebutan fonem.

Menurut Mahmud Kamil (1985), tujuan utama kemahiran bertutur adalah untuk mengenal perbezaan antara sebutan baris panjang dan pendek dalam menguasai kemahiran bertutur dengan baik. Aspek sebutan perlu ditekankan agar dapat melahirkan pengucapan yang baik dalam sebutan dan pertuturan. Di samping itu, dalam mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, isu sebutan merupakan perkara paling utama. Ini kerana ramai pelajar tidak dapat menyebut sebuah perkataan dengan baik dan lancar. Ini selaras dengan pernyataan Naimah et al (2005) iaitu faktor kegagalan pelajar menguasai kemahiran bertutur adalah berpunca daripada masalah sebutan dan nada iaitu intonasi.

Pembelajaran bahasa Arab merangkumi bidang fonologi, morfologi, sintaksis, leksikologi dan sebagainya. Namun begitu, aspek fonologi perlu dititikberatkan kerana ia merupakan aspek utama bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Kunci utama elemen bagi fonologi adalah kesahihan seseorang dalam kemahiran sebutannya seterusnya barulah difokuskan kepada kemahiran pertuturan. Penguasaan sebutan dan pertuturan yang baik dapat membentuk suatu bahasa yang sempurna seperti mana yang telah disebut oleh Nur Pratiwi (2015) kemahiran bertutur merupakan antara kemahiran yang utama untuk dikuasai kerana tujuan daripada mempelajari suatu bahasa adalah untuk menuturkannya.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah kesilapan pelajar dalam menghadapi sebutan fonem bahasa Arab di sekolah.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti faktor-faktor kesilapan sebutan fonem pelajar.
2. Mencadangkan kaedah ataupun teknik pengajaran bagi mengurangkan kesilapan sebutan dalam fonem bahasa Arab oleh pelajar terutamanya semasa pertuturan dalam bahasa Arab.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang dijalankan bagi mendapatkan maklumat dari bahan ilmiah seperti rujukan daripada kajian terdahulu yang terdiri daripada jurnal, artikel, prosiding, buku, sumber maklumat serta analisis dokumen.

Dapatan Kajian

1. Faktor-faktor Kesilapan Sebutan Fonem Pelajar.

Pengaruh Bahasa Pertama atau Ibunda Kepada Bahasa Kedua.

Bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah dua bahasa yang berbeza. Ia juga dituturkan oleh individu yang berbeza iaitu bahasa Arab dituturkan oleh bangsa Arab manakala bahasa Melayu dituturkan oleh bangsa Melayu. Bahasa Melayu dan bahasa Arab mempunyai perbezaan tersendiri iaitu menurut Mahmud Fahmi (1995) mengatakan bahasa Melayu dan bahasa Arab berasal daripada dua rumpun bahasa yang berbeza. Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Arab masing-masing mempunyai perbezaan. Perbezaan ini dapat dilihat dari aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Pelbagai konflik akan dihadapi bagi individu yang bukan dari bangsa Arab apabila mempelajari bahasa Arab antaranya adalah sebutan bahasa itu sendiri. Sebutan bahasa Arab menjadi sukar apabila individu yang bukan penutur jati bagi bahasa tersebut mempelajarinya. Akibat daripada pengaruh bahasa ibunda kepada bahasa kedua juga boleh menjadi salah satu faktor. Nik Rahimi et al. (2010) juga menyatakan bahawa pelajar bahasa kedua sering terpengaruh dan terkesan daripada sebutan bahasa pertama. Di samping itu, pendapat tersebut juga bertepatan dengan O'Connor (1985) di mana beliau menyatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda amat kuat kepada pelajar sehingga sukar untuk dipisahkan apabila mereka mempelajari sistem bunyi dalam bahasa kedua, terutama sekali bagi bunyi-bunyi yang tidak terdapat dalam bahasa ibundanya.

Salah satu sebab mengapa pelajar menghadapi masalah sebutan ketika mempelajari bahasa kedua adalah kerana pelajar tersebut terkesan dengan bahasa ibunda lebih-lebih lagi antara bahasa ibunda dan bahasa kedua mempunyai persamaan hampir dekat pada bunyi konsonan. Walaubagaimanapun, pelajar turut menghadapi kesukaran dalam membezakan huruf konsonan yang hampir sama bunyinya. Ini boleh menimbulkan konflik dalam sebutan tersebut dan pelajar tidak dapat membezakan fonem daripada huruf tersebut walhal perkataan itu berbeza dari segi tulisannya namun terdapat bunyi yang sama.

Kesilapan sebutan fonem boleh terjadi disebabkan perbezaan bahasa yang terdapat dalam bahasa pertama dan bahasa kedua. Kesan daripada pengaruh bahasa pertama turut memberi hasil yang tidak baik kepada bahasa kedua. Ini juga bertepatan dengan pernyataan Lado (2007) dalam menyatakan pengaruh negatif yang terdapat dalam bahasa ibunda boleh mempengaruhi perkembangan pemerolehan bahasa kedua pelajar.

Pengaruh bahasa pertama merupakan satu pengaruh yang boleh dikatakan cukup besar kepada bahasa sasaran, ini kerana dalam kajian yang dijalankan oleh Sahabudin (2003) juga mendapati bahawa pengaruh bahasa ibunda telah menyumbang kepada kegagalan pelajar dalam menyebut fonem atau bunyi konsonan bahasa Arab dengan betul. Ini berlaku terutamanya kepada huruf-huruf yang hampir sama bunyinya dengan huruf-huruf bahasa ibunda. Antara contoh yang disebut adalah konsonan bagi huruf (ع) dibunyikan dengan konsonan bagi huruf (ء) seperti pada contoh perkataan berikut iaitu (جامعة). Konsonan (ق) dan (ك) seperti dalam contoh (قلقة) dan ia disebut (كلقة). Seterusnya konsonan bagi (ط) dan (ت) seperti dalam contoh (طبيب) dan ia disebut (تبيب) dan lain-lain lagi. Pengaruh bahasa ibunda mampu memberikan sumbangan kepada kesilapan sebutan fonem yang mana bunyi konsonan antara kedua-dua bahasa hampir sama.

Sementelahan itu, kesan bahasa pertama kepada bahasa kedua juga turut disokong dalam dapatan kajian Nur Afifah (2012) yang mendapati bahawa faktor dalaman pelajar iaitu pengaruh bahasa ibunda kepada bahasa kedua telah menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal bahasa Arab. Sebutan vokal bahasa Arab merupakan salah satu perkara aset yang perlu dikuasai dalam bahasa, sekiranya pelajar tidak menguasai sebutan bunyi vokal dengan baik ia akan membawa makna yang salah dan kurang tepat. Begitu juga untuk huruf konsonan.

Tambahan lagi, pengaruh bahasa ibunda kepada bahasa kedua tidak berhenti pada bunyi sebutan yang hampir sama malahan dalam kajian Mohd Zaki (1990) juga menyatakan bahawa terdapat pelbagai perkataan yang telah sebatik penggunaannya dalam bahasa Melayu. Pada masa yang sama, pertukaran sebutan pada fonem tertentu iaitu tanpa merubah makna seperti sebutan “faham” dan “paham” bagi perkataan “faham” turut memberi kesan kepada proses penuturan beberapa bunyi konsonan Arab yang sudah menjadi kebiasaan dalam menerima perubahan hasil dari proses peminjaman perkataan ke dalam bahasa Melayu.

Kebiasaan ini sebenarnya akan menimbulkan kesilapan sebutan walaupun ia masih membawa makna yang sama dalam perkataan tersebut. Namun dari segi hakiki bahasa tersebut tidak tepat dan lebih ke arah kemelayuan sedangkan dalam ilmu linguistik amat ditekankan penyebutan huruf secara tepat agar tidak mengelirukan serta menjaga sebutan bahasa tersebut tanpa sebarang pencemaran. Sekiranya ia tidak ditegah maka ia akan menjadi kebiasaan dalam diri individu seterusnya kesilapan sebutan bagi perkataan tersebut akan kekal begitu sehingga dewasa. Hal ini dikenali sebagai gangguan bahasa ibunda kepada bahasa kedua; buktinya seperti yang disebut oleh Aini (2007) dalam kajiannya menyatakan bahawa gangguan bahasa ibunda menjadi penyebab utama kesalahan dan kesulitan pembelajaran bahasa asing oleh seseorang pelajar. Kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dianggap sebagai hasil daripada tabiat berterusan bahasa pertama kepada bahasa sasaran (Erdogan, 2005).

Turut dinyatakan oleh Mohd Azidan (2004) iaitu gangguan bahasa Melayu ke atas bahasa Arab adalah dikenali sebagai pemindahan dan penggunaan beberapa sistem bahasa Melayu dalam bahasa Arab. Walhal sistem tersebut sama sekali tidak terdapat dalam bahasa Arab. Penggunaan dua atau lebih bahasa secara bersilih ganti akan menimbulkan pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa sering berlaku kepada individu yang mempelajari lebih daripada satu bahasa iaitu penutur dwibahasa. Keadaan ini mampu menimbulkan keadaan saling pengaruh-mempengaruhi di antara bahasa pertama dan bahasa kedua.

Kesilapan sebutan dalam bahasa Arab boleh mendatangkan kesilapan kepada makna dan bahasa tersebut. Sebagai contoh huruf qaf dan huruf kaf. Sekiranya (قلب) bermaksud ‘hati’ dalam bahasa Arab disebut (كلب) bermaksud ‘anjing’. Ini akan membawa kepada makna yang bertentangan dengan makna asal bagi perkataan tersebut. Kesilapan sebutan pada satu huruf fonem iaitu qaf kepada kaf boleh mendatangkan kesilapan makna dari segi sebutan mahupun bahasa. Ini selaras dengan pernyataan Alyann (2000) bahawa sebutan yang tidak tepat dalam bahasa Arab akan mendatangkan kesilapan pada makna sebenarnya. Biasanya kesalahan menyebut sering berlaku di kalangan murid-murid adalah kerana gangguan bahasa ibunda yang sering menghalang pembelajaran mereka.

Di samping itu, kelemahan pelajar menguasai sebutan dalam bahasa Arab disebabkan oleh kesan daripada sistem pendidikan di negara Malaysia iaitu di peringkat pengajian rendah dan menengah di Malaysia. Kebanyakan pelajar Melayu secara majoritinya sudah mempunyai latar belakang pendidikan tentang pembelajaran bahasa ibunda secara formal. Pelajar juga telah diberi pendedahan awal tentang bahasa Melayu yang terdiri daripada dua jenis tulisan iaitu tulisan rumi dan tulisan Jawi. Tulisan rumi

dan Jawi sudah menjadi satu pengaruh dalam pendidikan terutamanya bagi masyarakat Islam di Malaysia. Pengalaman dan pengetahuan bagi kedua-dua jenis tulisan tersebut memberi sumbangan besar terhadap kesilapan sebutan dalam bahasa Arab. Elemen pengaruh bahasa ibunda wujud melalui tulisan rumi dan tulisan Jawi. Maka pengaruh bahasa ibunda akan wujud ketika pelajar mempelajari bahasa Arab semasa mengenali tulisan-tulisan tersebut.

Ini turut disokong dalam Mohd Abdullah (2008) juga di mana punca yang menyumbang kepada masalah menyebut huruf dengan baik adalah kerana aksara rumi lebih banyak digunakan berbanding aksara Jawi dalam bahasa Melayu.

Antara contoh gangguan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama kepada bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar adalah sistem bunyi bahasa pada kedua-dua bahasa tersebut. Bunyi-bunyi yang hampir sama dalam kedua-dua bahasa ini dengan hanya sedikit perbezaan dalam sebutan adalah sebenarnya mampu menyebabkan kesilapan sebutan fonem walaupun ia mempunyai kesepakatan bunyi. Contohnya bunyi huruf (ص) dan huruf (س). Bunyi bagi huruf konsonan bahasa Arab ini hampir sama sekiranya dituturkan dalam bahasa Melayu. Kemungkinan bunyi tersebut sama namun ketidaktepatan makna boleh timbul menyebabkan masalah sebutan fonemik terjadi. Contohnya sebutan (صالح) disebut dengan (سالح). Disebabkan kesilapan sebutan sebenarnya menjadikan sebutan itu salah dan boleh membawa makna lain.

Faktor Dalaman Diri Pelajar

Dalam dapatan kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa faktor dalaman diri pelajar merupakan salah satu punca kesilapan sebutan fonem masih berlaku dalam kalangan pelajar. Antara punca bagi faktor dalaman diri pelajar yang disenaraikan melalui hasil dapatan kajian-kajian terdahulu setelah dianalisis antaranya adalah:-

1. Pelajar mempunyai masalah dalam menyebut huruf tertentu dalam bahasa Arab. Keadaan ini masih terjadi disebabkan oleh kelemahan menguasai huruf-huruf Arab dalam kalangan pelajar.
2. Kekurangan pengetahuan terhadap fungsi dan peranan vokal mahupun konsonan menyebabkan kesilapan sebutan boleh berlaku pada mana-mana perkataan sekaligus turut memberi implikasi kepada aspek linguistik yang berkaitan.
3. Pelajar tidak mengetahui kepentingan bunyi vokal dan konsonan dengan betul.
4. Kegagalan pelajar dalam menyebut fonem dan bunyi konsonan bahasa Arab dengan tepat dan betul disebabkan oleh pelajar terpengaruh dengan bahasa ibunda. Ini berlaku kerana terdapat huruf-huruf yang hampir sama bunyinya dengan huruf bahasa ibunda.
5. Pelajar tidak dapat membezakan bunyi huruf konsonan bahasa Arab dan bunyi huruf konsonan bahasa Melayu yang hampir sama bunyinya.

Faktor Pengajar

Peranan pengajar dalam mendidik adalah sangat penting. Seorang pengajar ibarat ibu bapa yang kedua kepada pelajar selepas ibu bapa bagi pelajar tersebut. Pengajar bahasa perlu menguasai linguistik baik dari segi fonologi, morfologi, sintaksis, leksikologi dan sebagainya bagi pembelajaran bahasa Arab untuk empat kemahiran penting.

Untuk menjadikan sebutan bahasa Arab begitu fasih dan jelas, maka pengajar perlu menyebut huruf bahasa Arab dengan tepat semasa mengajarkan kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Nik Mohd Rahimi (2010) juga mengatakan faktor pengajar yang memperlihatkan kepada pelajar bagaimana cara ujaran atau pertuturan yang betul memainkan peranan penting untuk membantu pelajar menguasai ujaran atau pertuturan dengan lebih tepat dan berkesan. Kedudukan makhras konsonan Arab yang melibatkan gusi, lidah, dan gigi adalah organ sebutan yang mudah dilihat dan ditiru. Antara cara yang berkesan adalah pengajar menunjukkan atau memperlihatkan kepada pelajar bagaimana cara ujaran atau pertuturan yang betul dalam menuturkan suatu perkataan itu. Kemudian pelajar dapat meniru dengan mudah ujaran huruf-huruf konsonan tersebut.

Oleh itu, dalam pernyataan Zarina et al (2016) menyebut bahawa setiap pengajar bahasa fokusnya kepada bahasa Arab perlu menguasai bidang linguistik terutamanya aspek fonologi iaitu pengetahuan

konsep makhraj dan sifat huruf dalam sebutan konsonan Arab bagi memastikan pertuturan dalam bahasa Arab secara tepat dan bermakna.

Kaedah Pengajaran dalam Mengurangkan Kesilapan Sebutan Fonem Pelajar

Terdapat empat kaedah pengajaran bahasa yang telah dikenal pasti dalam menjadi amalan bagi pengajar dalam mengajarkan bahasa antaranya adalah kaedah tatabahasa terjemahan, kaedah terus, kaedah audio-lingual dan kaedah situasional. Antara kesemua kaedah tersebut, kaedah yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran mendengar bahasa Arab adalah kaedah audio-lingual. Ini selaras dengan dapatan kajian Maimun (1997) yang menunjukkan kaedah audio-lingual ada kaitan dengan kemahiran mendengar bahasa Arab dan kemahiran bertutur. Kaedah ini bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran mendengar malahan ia turut meningkatkan kemahiran pertuturan pelajar.

Kaedah Audio-Lingual (Dengar Tutur):

Kaedah audio-lingual adalah kaedah dengar tutur. Pelajar diminta untuk mendengarkan terlebih dahulu apa yang dituturkan oleh pengajar kemudian pelajar akan mengajuk apa yang dituturkan oleh pengajar itu semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa berlaku. Kaedah ini melibatkan dua kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Jelas menunjukkan kaedah audio-lingual ini bertujuan untuk memberi penekanan dalam aspek fonologi dalam pertuturan.

Menurut Kamaruddin (1998) kaedah audio-lingual berasaskan kepada teori psikologi tingkah laku yang teori ini berperanan kepada proses pembelajaran bahasa sama seperti tingkah laku pembelajaran lain. Proses pembelajaran ini bergantung kepada rangsangan, respon dan peneguhan. Pengajar akan bertindak sebagai perangsang iaitu melatih pelajar-pelajar dengan bentuk-bentuk ayat yang baik dan betul. Pelajar-pelajar pula akan memberi respons iaitu meniru bentuk-bentuk ayat tersebut. Kemudian dilakukan proses peneguhan iaitu pelajar-pelajar mengulangi bentuk-bentuk ayat itu sehingga menjadi rutin.

Mengikut Sini et al (1983) juga pada peringkat permulaan, kaedah ini menggunakan dialog-dialog pendek atau ayat-ayat selapis yang mudah untuk memudahkan pelajar-pelajar mengajuk secara lisan tanpa menggunakan teks tulisan. Kemudian, ajukan ini dilatih secara berulang-ulang kali sehingga ia menjadi rutin kepada pelajar-pelajar. Elemen-elemen linguistik yang ditekankan dalam latihan ini ialah penyebutan fonem, morfem, perkataan, struktur dan jenis-jenis ayat.

Sementelahan itu, salah satu langkah pengajaran yang disebut Sini et al (1983) bagi kaedah ini adalah pengajar memperdengarkan model bahasa iaitu dialog atau struktur ayat kepada pelajar. Bacaan pengajar haruslah menepati penutur jati bahasa Arab atau se hampir dengannya dari segi linguistik dan intonasi. Bacaan ini boleh dilakukan oleh pengajar itu sendiri atau melalui pita rakaman.

Kaedah Transliterasi

Transliterasi merupakan satu pendekatan yang baik untuk digunakan dalam pembelajaran sebutan. Transliterasi dalam pernyataan Ramli Salleh et al (1997) iaitu proses atau hasil mengalihkan tanda grafik daripada satu sistem tulisan kepada sistem yang lain. Transliterasi adalah satu pendekatan yang menggunakan penukaran huruf atau perkataan daripada tulisan Arab kepada tulisan rumi Melayu. Menurut ensiklopedia dalam laman web (<http://encyclopedia.thefreedictionary.com/transliteration>, 2005) juga menyatakan transliterasi adalah satu penulisan bahasa yang menggunakan simbol-simbol tertentu. Kaedah ini bertujuan membantu pelajar yang tidak mahir dalam menyebut bahasa Arab. Ia juga dinyatakan dalam kajian Azman dan Ahmad Nazuki (2010) bagi mengatasi masalah dalam sebutan bahasa Arab. Kaedah transliterasi boleh digunakan pada kosa kata Arab yang sukar atau pertama kali digunakan dalam pelajaran.

Kaedah ini banyak ditemui dalam kamus. Walaupun begitu, kaedah ini juga telah digunakan dalam semua buku teks bahasa Arab UiTM (Ahmad Nazuki, Adam & Azman, 2006). Kaedah ini bertujuan untuk memudahkan semua pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab mempelajarinya dan menjadikan pembelajaran bahasa Arab sesuatu yang menyeronokkan. Tujuan kaedah transliterasi juga adalah untuk menjadikan pembelajaran nampak menarik dan lebih menyeronokkan terutamanya bagi golongan yang kurang mahir dalam sebutan bahasa Arab.

Di samping itu, pendekatan ini adalah untuk melahirkan pelajar yang dapat bertutur dengan baik. Sebelum menguasai kemahiran bertutur, proses mempelajari sebutan huruf perlu dikuasai dengan baik agar sebutan pelajar adalah tepat dan bermakna untuk golongan yang tidak mahir sebutan dalam bahasa Arab atau buta huruf dalam membaca bahasa Arab. Kaedah ini amat sesuai bagi membantu pelajar tersebut menguasai sebutan yang sempurna. Ini disokong dalam kajian Azman & Goh Ying Soon (2007) mengatakan bahawa penggunaan kaedah transliterasi berobjektifkan kepada bahasa sasaran iaitu pelajar dapat menyebut kosa kata dengan lebih tepat, dapat menguasai fonetik dan pengucapan yang baik.

Kaedah ini amat sesuai untuk pelajar sekolah yang lemah sebutannya serta sesuai untuk pelajar di peringkat rendah. Pelajar di peringkat rendah akan belajar mengenal dan menyebut huruf-huruf bahasa Arab. Ini akan meningkatkan sebutan serta ucapan yang tepat dalam pertuturan. Ini merupakan proses celik huruf biasa yang menukarkan bentuk daripada perantara tulisan kepada perantara lisan.

Selain itu, dapatan kajian Azman & Ahmad Nazuki (2010) menunjukkan bahawa transliterasi dalam perbualan di bawah kategori cara sebutan lebih tepat menunjukkan hasil dapatan iaitu min 3.80 yang mana ia menunjukkan tahap sederhana namun begitu kebanyakan responden dalam kajian tersebut bersetuju dengan penggunaan berdasarkan kaedah transliterasi bagi membantu kemahiran perbualan dalam bahasa Arab. Menunjukkan kaedah transliterasi sesuai digunakan dalam aspek sebutan bagi mengelakkan kesilapan sebutan fonem. Oleh itu, kegunaan kaedah transliterasi begitu baik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam membantu sebutan yang tepat dan lancar kepada pelajar.

Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Mengurangkan Kesilapan Sebutan Fonem Pelajar

Teknik lakonan

Loga (1990) juga turut mengemukakan teknik lakonan sebagai salah satu teknik pengajaran kemahiran bertutur daripada sebelas teknik yang dicadangkannya untuk pengajaran kemahiran bertutur. Teknik ini akan mengembangkan teknik dialog. Pelajar akan diberikan satu teks dengan watak-wataknya. Kemudian pelajar akan melakonkan watak tersebut dengan membaca dialog bagi watak tersebut. Teknik ini akan menjadikan ciri-ciri sebutan lebih baik dan tepat supaya ia tampak lebih menarik dan bermakna bagi pelajar.

Menurut Azani et al, (2012) mengatakan pemilihan strategi, teknik dan aktiviti pengajaran yang baik dapat membina kefahaman pelajar terhadap pelajaran di bilik darjah serta dapat memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar, sistematik, menarik dan menyeronokkan pelajar. Mujawir (1983) juga mengatakan aktiviti lakonan merupakan aktiviti pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar untuk menyertainya.

Melalui aktiviti lakonan juga dapat mengesan aspek-aspek fonetik melalui sebutan pelajar ketika menyebut huruf tersebut semasa lakonan. Dapatan kajian bagi kajian Azani et al (2012) dalam aktiviti lakonan iaitu mengenal pasti dan menganalisis permasalahan utama yang dihadapi oleh pelajar antaranya adalah fonetik. Daripada analisis kosa kata yang berkaitan dengan beberapa ciri iaitu meninggalkan kosa kata yang sepatutnya dalam ayat pertuturan, menggunakan kosa kata yang tidak tepat dan memasukkan kosa kata yang tidak perlu dalam pertuturan.

Pelbagai bentuk-bentuk permasalahan fonetik yang dihadapi pelajar telah disenaraikan dalam kajian Azani et al (2012) menerusi pemerhatian rakaman aktiviti lakonan dan antaranya adalah terdapat pelbagai kesalahan pelajar dalam menyebut fonem. Dapat disimpulkan daripada analisa dapatan kajian tersebut, para pengajar bahasa Arab dapat mengenal pasti kelemahan dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam kemahiran lisan menerusi teknik atau aktiviti lakonan. Bukan itu sahaja, pengajar dapat membantu memperbaiki sebutan tersebut semasa waktu pengajaran yang akan datang agar pelajar dapat membezakan setiap sebutan fonem bagi mengelakkan kesilapan sebutan fonem berulang dalam pertuturan.

Menurut Azani et al (2012) menyatakan bahawa dari aspek fonetik, dapatan kajiannya menunjukkan bahawa pelajar mempunyai masalah sebutan huruf tertentu dalam bahasa Arab. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam kalangan pelajar bagi mendalami dan menguasai huruf-huruf Arab. Aktiviti lakonan ini turut disokong oleh Nikitina (2011) yang mendapati aktiviti rakaman video lakonan memberi kesan kepada kemahiran bahasa dan juga bukan bahasa.

Teknik Latih Tubi Mekanis

Teknik latih tubi mekanis merupakan salah satu cara untuk menggalakkan pelajar meniru sebutan yang didengarnya (Loga, 1990). Penggunaan teknik ini akan menunjukkan perbezaan yang penting di dalam sesuatu bahasa. Teknik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama.

Menurut Al-Gharbi (1987) turut menggalakkan bahawa dalam menguasai ilmu fonologi memerlukan latihan latih tubi. Melalui latihan latih tubi ini akan meningkatkan lisan serta sebutan bagi menyebut huruf-huruf konsonan. Peningkatan sebutan dalam huruf konsonan kemudian dapat mengelakkan kesilapan sebutan bagi fonem terutama bagi bunyi huruf konsonan yang serupa.

Pertama adalah latihan mendengar dan mengulang. Ungkapan-ungkapan atau ayat-ayat yang betul dan baik akan diberikan supaya pelajar dapat mengulanginya berulang kali.

Kedua adalah latih tubi gantian (*Substitution Drills*). Teknik ini menggunakan ciri-ciri bunyi yang terdapat di dalam perkataan yang hendak ditukar atau digantikan oleh pelajar dengan menggunakan contoh-contoh atau perkataan-perkataan panggilan (*call words*). Pengajar akan menuturkan perkataan di dalam senarai yang diberikan. Kemudian, pelajar akan cuba mengajuk semula perkataan yang telah disebut oleh pengajar sebentar tadi. Perkataan yang telah disebut merupakan perkataan yang tersenarai dalam senarai perkataan yang telah digantikan oleh pengajar tadi.

Ketiga adalah latih tubi pertukaran (*Transformation Drills*). Teknik ini digunakan untuk melatih penukaran atau perubahan di dalam konteks. Contohnya daripada satu bentuk ganti nama ke satu bentuk yang lain. Namun begitu, teknik latih tubi mekanis ini perlu dilaksanakan dengan mengambil kira bilik darjah sebagai konteks sosial atau turut dikenali sebagai persekitaran tiruan (Littlewood, 1987).

Kesimpulan

Sebutan merupakan perkara paling asas sebelum ke arah bertutur yang lebih bermakna. Setiap pengucapan akan didahulukan dengan sebutan. Justeru itu, sebutan menjadi satu elemen penting dalam penguasaan pelajar untuk tujuan bertutur yang lebih jelas dan tepat. Namun begitu, setiap kesilapan sebutan terutamanya sebutan fonem telah menjadi satu fenomena dalam kalangan pelajar. Pelajar tidak dapat membezakan sebutan yang terdiri daripada konsonan Arab yang mana bunyinya sama dengan bahasa Melayu. Sekiranya perkara ini tidak ditegah ia akan berleluasa sehingga pelajar dewasa dan isu ini tidak akan berhenti di situ sahaja.

Kesilapan sebutan fonem berlaku disebabkan oleh faktor-faktor yang terdiri daripada faktor pengaruh bahasa ibunda kepada bahasa sasaran, faktor dalaman diri pelajar dan faktor pengajar itu sendiri. Daripada faktor-faktor tersebut setelah dianalisis dapat dilihat bahawa kelemahan ini menjadi kesukaran kepada pelajar dalam mendapatkan proses sebutan huruf yang sah dan tepat serta bermakna.

Dapatan ini turut mencadangkan beberapa kaedah dan teknik yang dapat membantu pelajar dalam proses sebutan bagi mengurangkan kesilapan sebutan fonem. Antara kaedah yang dicadangkan terdiri daripada kaedah audio-lingual dan kaedah transliterasi. Kaedah ini setelah diteliti dengan mendalam, ia dapat membantu pelajar dalam proses celik huruf dan sebutan dengan baik sekiranya ia menjadi amalan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Teknik yang dicadangkan juga antaranya adalah teknik lakonan dan teknik latih tubi mekanis.

Penggunaan teknik tersebut mempunyai kekuatannya yang tersendiri dan sesuai untuk tujuan sebutan. Sekiranya tumpuan diberikan sepenuhnya kepada teknik ini, ia akan menyediakan peluang yang baik kepada pelajar untuk menguasai kemahiran sebutan seterusnya kepada kemahiran bertutur.

Justeru itu, setiap kesilapan sebutan fonem itu disebabkan oleh pelbagai faktor. Tambahan lagi Malaysia bukannya sebuah negara yang menuturkan bahasa Arab secara meluas. Kesilapan sebutan fonem yang berlaku dapat dikurangkan dengan beberapa kaedah dan teknik yang telah dicadangkan. Ini kerana pertuturan yang baik dan bermakna datang dari sebutan yang jelas dan tepat.

Rujukan

Aini Haji Karim. 2007. Analisis kontrastif dan analisis kesalahan bahasa: Antara hipotesis dan realiti. *Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik II (SETALING)*, 2, 212-225.

- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai:UTM.
- Al-Gharbi, Saad Abdullah. 1987. *Al-aswat al Arabiah wa tadrisuha li ghair al-natiqin biha min al-rasyidin*. Kaerah: Dar al-Maarif.
- Azani Ismail, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. 2012. Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalaj Pengajaran Bahasa Arab. *Gema Online Journal of Language Studies*. 12(1), 325-337.
- Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakob. 2010. Kegunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Gema Online Journal of Language Studies* 10(2), 19-35.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2007. *Keberkesanan Kaedah Transliterasi Dalam Bahasa Arab dan Mandarin*. Universiti Teknologi Mara.
- Chaer, Abdul. 2007. *Linguistik Umum*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Davis, F.B. 1968. Research in comprehension reading. *Reading Research Quaterly* 3: 499-545.
- Erdogan, V. 2005. Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersis University Journal of the Faculty of Education*, 1 (2), 261-270.
<http://encyclopedia.thefreedictionary.com/transliteration>. 2005.
- Kamarudin Hj. Husin. 1998. *Pedagogi Bahasa: Perkaedahan*. Petaling Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. 1996. Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kridalaksana, Harimurti. 1995. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Littlewood, W. dalam Pattison, P. 1987. *Communicative language teaching: An introduction*. Cambridge:Cambridge University.
- Loga Baskaran. 1990. Pengajaran Kemahiran Bertutur. *Jurnal Dewan Bahasa* April hlm 260-264.
- Mahmud Fahmi Hijazi. 1995. *'Illm al-lughah baina al-turath wa al-manahij al-hadithah*. Kaerah: Dar Gharib li al-tiba'ah wa al-nasyr wa al-tauzi'.
- Mahmud Kamil al-Naqat. 1985. *Ta'lim a-Lughat al-'Arabiyat Li al-Natiqin bi-Lughat Ukhra: Ususuhi, Madakhiluhu, Turuq Tadrisuhu. Jami'at Umm al-Qura, Ma'had al-Lughat al-'Arabiyat, Wahdat al-Buhuth wa-al-Manahij*.
- Maimun Aqsha Lubis, Haji. 1997. Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tesis Dr. Fal. Univesiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. 2004. *Gangguan Bunyi Melayu Dalam Sebutan Arab: Satu Analisis Ringkas*. Serdang: UPM.
- Mohd Zaki Abd. Rahman. 1990. Huruf Bahasa Arab: Nilai dan Kegunaannya. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Fakulti Bahasa dan Linguistik
- Mujawir, Muhammad Solahuddin cAli. 1983. *Tardris al-Lughah al-Arabiyyah bi alMarhalah al-Ibtida'iyah: Usuluhā wa Tatbiquhā*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Naimah Yusoff. 2005. "Perbandingan Dua Kaedah Mengajar Bacaan Awal Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah" Tesis ijazah doktor falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (Tidak Diterbitkan)
- Nik Mohd Rahimi. 2010. *Pembelajaran Konsonan Arab Mengikut Pelat Bahasa Melayu*. *GEMA Online Journal of Language Studies* 1. Volume 10(3) 2010
- Nikitina, L. 2011. Creating an authentic learning environment in the foreign language classroom. *International Journal of Instruction* 4(1), 33-46
- Nur Afifah Mohd Aminuddin Zaki. 2012. *Masalah Sebutan Bunyi Vokal Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di IPTA*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Nur Pratiwi. 2015. Tahap Keresahan Pelajar Belajar Dalam *Maharat Al-Muhadasah Wa Al-Kitabah*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2005. *Penilaian Kemahiran Mendengar Dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- O'Connor, J.D. 1985. *Better English Pronouciation*. London:Cambridge University Press.
- Rahmat Sato. 1998. *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaysia.
- Ramli Md Salleh, Sanah Md. Nasir & Noor Ein Mohd Nor. 1997. *Kamus linguistik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosni Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sahabuddin Salleh. 2003. *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Tesis Peringkat Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Sini, M. I. Aziz, N. M. A. & Hussain, M. T. 1983. *Al-'Arabiyahli-nashu'in*. Arab Saudi: Wizaarah al-Ma'arif.

- Yahya Othman. 2005. *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Pahang Darul Makmur:
PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zarina Mohd Zakira, Nik Mohd Rahimi, Fatimah Sou yan Mei, Mohd Hilmi Abdullah & Saipolbarin
Ramli. 2016. *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab Sebutan Konsosnan Arab:
Kajian Kes Di Sekolah Rendah*. Journal of Global Business and Social Enterpreurship.